



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 22 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEMAK AKTA 522 DEMI JAMIN BEKALAN BERAS NEGARA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 11	LAIN – LAIN
2.	MALAYSIA BERISIKO HILANG KAWALAN HARGA BERAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	
3.	HARGA SAYUR NAIK HAMPIR SEKALI GANDA, NEGARA, KOSMO, M/S – 13	
4.	HIDROPONIK KAMPUNG JADI SUMBER REZEKI, BISNES, SINAR HARIAN, M/S – 30	
5.	BIG HARVEST FROM SMALL GARDEN, PEOPLE, THE STAR, M/S – 10	
6.	ALOR GAJAH VILLAGE FOLK ENJOYING FISH FARM BOUNTY AND INCOME, PEOPLE, THE STAR, M/S – 10	
7.	KELAH EKSOTIK KINI JADI IKAN HIASAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	
8.	PENTERNAK KEKAL HARGA 1 BAHAGIAN LEMBU KORBAN RM400, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Semak Akta 522 demi jamin bekalan beras negara

SHAHALAM – Tiga langkah iaitu semakan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), penilaian semula harga padi dan beras serta kebebasan pemilihan benih dikenal pasti sebagai pendekatan penting bagi memastikan bekalan makanan negara terus stabil, terutamanya ketika berdepan krisis global.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (CAKE), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, langkah terbabit perlu diberi perhatian bagi menyelesaikan isu padi dan seterusnya menjamin keterjaminan makanan negara.

"Kita ada beberapa kaedah untuk menyelesaikan masalah padi ini bagi menjaga keterjaminan makanan negara, disebabkan wujud kartel beras, kartel benih, baja dan sebagainya.

"Kita perlu menyemak semula dasar berkaitan harga siling padi dan beras di bawah Akta 522 kerana permasalahan hari ini berpunca daripada akta tersebut yang menyebabkan pesawah tidak boleh menjual hasil mereka sendiri, malah tidak dibenarkan menyimpannya.

"Perkara tersebut perlu dikaji semula kerana di Kedah baru-baru ini, Exco Pertanian menyatakan Kedah mampu mengeluarkan beras sendiri tetapi disekat oleh Akta 522," katanya.

Menurut Mohamad Yusrizal, selain semakan terhadap akta berkenaan, kerajaan juga perlu menilai semula harga siling padi dan beras yang dilihat tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.

Jelas beliau, harga beras tempatan yang terlalu lama dikekalkan pada kadar rendah telah menyekat peningkatan harga jualan padi, sekali gus menekan pen-

dapatan pesawah.

"Harga beras itu terlalu lama berada pada RM2.60 sekilogram dan hari ini pengguna sudah tidak dapat menikmati harga tersebut hingga terpaksa membeli beras import pada harga lebih tinggi.

"Kita membeli pada RM36, RM37 dan ada yang mencecah RM40 bagi beras import, tetapi beras tempatan masih dijual pada harga lama. Jadi situasi itu telah menyekat kenaikan harga jualan padi mereka," katanya lagi.

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan supaya pesawah diberikan kebebasan dalam pemilihan serta menghasilkan benih sendiri bagi meningkatkan kualiti dan mengurangkan kos.

"Berilah kebebasan kepada pesawah untuk memilih benih dan mengeluarkan benih sendiri kerana benih tersebut berada di bawah kawalan agensi tertentu dan ada antaranya tidak berkualiti, sekali gus menyebabkan penggunaan baja meningkat.

"Apabila penggunaan baja meningkat dan berlaku krisis Asia Barat ketika ini, harga baja turut meningkat, sekali gus menyebabkan kos pesawah bertambah," tambah beliau.

Katanya, peranan agensi seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) boleh diperkasa bagi mengawal selia benih tanpa mengekang usaha pesawah menghasilkan benih sendiri.

"Dengan itu, kita dapat menghasilkan varieti atau kepelbagaian beras tempatan yang lebih baik. Inilah yang kita cadangkan kepada kerajaan bagi menyelesaikan masalah pesawah dan memastikan keterjaminan makanan negara.

"Apabila berlaku krisis, apa jua krisis yang datang, kita mempunyai bekalan beras sendiri," katanya.



MEJA BULAT
Sincer
Diskusi Mencipta Resolusi

Apabila penggunaan baja meningkat dan berlaku krisis Asia Barat ketika ini, harga baja turut meningkat, sekali gus menyebabkan kos pesawah bertambah."

- Mohamad Yusrizal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Malaysia berisiko hilang kawalan harga beras

PETALING JAYA: Kebergantungan yang semakin meningkat terhadap beras import berisiko menyebabkan Malaysia kehilangan kawalan terhadap harga dan bekalan makanan ruji itu.

Pensyarah Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Norsida Man berkata, perubahan dalam pasaran global akan terus mempengaruhi harga domestik sekiranya pengeluaran padi tempatan terus merosot.

Katanya, peningkatan kebergantungan terhadap beras import bukan sahaja menjejaskan keterjaminan makanan negara malah berpotensi memburukkan defisit perdagangan Malaysia.

“Dana yang sepatutnya dilaburkan untuk pembangunan infrastruktur mungkin terpaksa dialihkan bagi membiayai import makanan.

“Pengalaman krisis harga beras global pada 2008 dan 2023 membuktikan betapa rapuhnya kebergantungan kepada pasaran luar apabila negara pengeksport mengenakan sekatan dan enggan menjual beras mereka kepada Malaysia,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Baru-baru ini, akhbar ini melaporkan, Kadar Sara Diri (SSR) padi negara terjejas sekiranya 30 peratus daripada 200,000 petani tidak mengerjakan sawah akibat peningkatan kos operasi.

Mengulas lanjut, Norsida berkata, kerajaan disaran mempertimbangkan mekanisme harga lantai padi yang

lebih fleksibel dan responsif mengikut kos pengeluaran sebenar bagi memastikan kelangsungan industri padi negara.

Katanya, pendekatan tersebut perlu disokong melalui subsidi bersasar kepada kos input serta usaha meningkatkan produktiviti tanaman padi.

“Sekiranya hasil sehektar dapat ditingkatkan daripada empat tan kepada enam tan, pendapatan pesawah akan bertambah walaupun harga lantai hanya RM1,800.

“Kaedah ini boleh bertahan mengimbangi kepentingan pesawah tanpa membebankan pengguna dan kedudukan fiskal negara. Namun masalah yang dihadapi oleh industri padi tidak dapat diselesaikan dengan satu dasar sahaja.

“Kerajaan perlu melaksanakan pakej bersepadu iaitu mengawal kos input melalui subsidi bersasar, menjamin pendapatan pesawah melalui harga lantai yang realistik dan bersesuaian serta membantu pesawah meningkatkan produktiviti melalui skala ekonomi dan penggunaan teknologi,” katanya.

Menurut Norsida, kemerosotan pengeluaran padi tempatan akan mengheret negara kepada krisis sekuriti makanan yang lebih parah justeru intervensi struktur mesti diutamakan.

“Cadangan harga lantai RM3,000 per tan metrik wajar difahami sebagai isyarat bahawa model sedia ada tidak lagi boleh bertahan tetapi pelaksanaannya perlu berperingkat dan diiringi reformasi kos serta hasil.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2026	KOSMO	NEGARA	13

Harga sayur naik hampir sekali ganda

- Kenaikan bahan api diesel beri kesan kepada peniaga
- Kurangkan kuantiti elak pembeli terkejut

Oleh NORFARHIZA MOHD ATAR

CAMERON HIGHLANDS

Peniaga sayur di Kea Farm di sini mengakui terhimpit apabila terpaksa menyesuaikan harga jualan susulan kenaikan harga diesel yang memberi kesan langsung kepada kos operasi mereka.

Seorang peniaga, Shamala Devi, 55, berkata, harga sayur berdaun seperti sawi dan kailan mengalami kenaikan ketara kepada lebih RM4 berbanding RM2.50 sekilogram sejak dua minggu lalu.

"Sebelum ini harga sayur berdaun adalah sebanyak RM2.50 sekilogram, sekarang RM4.30. Itu baru sawi dan kailan, belum lagi tomato, terung dan lain-lain.

"Bagi menampung kos, saya tidak menaikkan harga jualan, sebaliknya mengurangkan kuantiti sayur. Sebelum ini RM10 boleh dapat 10 bungkus sayur, sekarang terpaksa dikurangkan kepada lima.



ROSLI menunjukkan jenis-jenis ubi yang dijual di gerainya di Kea Farm, Cameron Highlands semalam.

"Harga sayur kekal sama, cuma kuantitinya dikurangkan," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Shamala berkata, langkah itu diambil bagi mengelakkan pelanggan berasa terkejut dengan

kenaikan harga mendadak selain memastikan perniagaannya terus dapat bertahan.

Kenaikan harga diesel turut menyebabkan kos penghantaran meningkat kerana kebanyakan sayur dihantar dari kebun di ka-

wasan berbukit dan jauh.

"Dulu pembekal hantar bekalan dua kali sehari iaitu pagi dan petang, sekarang sekali sehari kerana kos bahan api yang tinggi," katanya.

Seorang lagi peniaga, Rosli

Abu Bakar, 55, turut mengakui kenaikan diesel memberi kesan besar kepada operasi perniagaannya.

Katanya, bekalan seperti ubi dan jagung belum menunjukkan kenaikan ketara, namun dijangka naik dalam masa terdekat.

"Sebelum ini jika harga RM10 boleh beri diskaun (dijual) RM8, tetapi sekarang tidak boleh beri diskaun sebab kos sudah tinggi. Pengeluaran dari kebun juga makin kos operasi di peringkat pengusahanya.

"Jika sebelum ini hantar setiap hari, sekarang seminggu sekali. Kalau habis stok, kami perlu ambil sendiri di kebun," ujarnya.

Rosli berkata, situasi itu turut memberi kesan kepada jumlah jualan kerana peniaga tidak dapat menyimpan stok dalam kuantiti besar.

Bilangan pengunjung juga berkurangan sekali gus menambah cabaran kepada golongan peniaga di kawasan tersebut.

"Biasanya dalam sehari tiga hingga empat kotak ubi keledak habis terjual, sekarang satu kotak pun susah terutama hari biasa. Saya harap pihak berkaitan dapat melakukan sesuatu untuk menstabilkan kos bahan api agar peniaga kecil di kawasan tanah tinggi tidak tertindas," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2026	SINAR HARIAN	BISNES	30



30 **Sinar** *Bisnes*

RABU 22 APRIL 2026 | SINAR HARIAN

Badrul Hisyam (kiri) dan Bariah menunjukkan hasil tanaman yang diusahakan peserta e-Kasih.

Hidroponik kampung jadi sumber rezeki

Program melibatkan 10 peserta e-Kasih, majoriti suri rumah

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

Bermula sekadar inisiatif kecil bagi membantu golongan berpendapatan rendah, projek tanaman sayur secara hidroponik di Kampung Sri Kulim, Mukim Padang Raja, Melor, Kota Bharu kini menjadi sumber pendapatan dan inspirasi komuniti setempat, terutama golongan B40.

Program di bawah Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Mukim Padang Raja itu melibatkan 10 peserta e-Kasih berusia antara 35 hingga 66 tahun, dengan majoritinya terdiri daripada suri rumah.

Suri rumah, Bariah Yaakob, 66, berkata, dia mula menyertai projek tersebut pada awal tahun lalu dan tidak menyangka mampu menjana pendapatan sendiri.

"Dulu duduk di rumah sahaja, sekarang setiap bulan ada hasil berniaga dan pelanggan ramai sekitar kampung, malah ada yang dikirim ke Kuala Lumpur melalui anak semasa dia pulang ke kampung.

"Kami tanam sayur seperti salad, bayam merah dan sawi Jepun menggunakan sistem



Badrul Hisyam menunjukkan bayam merah yang disemai dan tumbuh dengan baik.

hidroponik, sama seperti di Cameron Highlands," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, tanaman hidroponik bukan sahaja mudah diurus, malah tidak terjejas oleh faktor cuaca seperti banjir atau kemarau kerana ditanam pada paras lebih tinggi.

Projek yang bermula sekitar Jun tahun lalu itu kini mampu mengeluarkan hasil se-



BISNES Rakyat



Dalam beberapa hari sudah nampak hasil."

- Mohd Saupi

10,000 pokok pada satu-satu masa.

Katanya, hasil tanaman dijual secara terus kepada pelanggan tanpa orang tengah, termasuk melalui tempahan tunai semasa penghantaran (COD), sekali gus memastikan kesegaran produk dan pulangan lebih baik kepada peserta.

"Ini kali pertama projek seperti ini dilaksanakan di Mukim Padang Raja dan sambutan sangat menggalakkan. Setiap hari memang ada permintaan dan hasilnya boleh menampung perbelanjaan harian," katanya.

Selain sayur berdaun, projek itu turut merancang menanam rock melon dan timun.

Satukan komuniti

Bagi seorang lagi peserta, Mohd Saupi Idris, 66, yang juga bekas anggota tentera, projek tersebut menjadi aktiviti mengisi masa lapang yang bermanfaat.

"Tidak berat, satu hingga dua jam sehari sudah cukup untuk menyemai benih, seminggu kemudian boleh dipindahkan ke sistem hidroponik.

"Dalam beberapa hari sudah nampak hasil," katanya yang mengusahakan tanaman sayur di tapak hadapan rumahnya.

Dengan hainya menggunakan span dan bekas semaian khas, kira-kira 900 anak pokok boleh dipindahkan dalam satu masa, menjadikan proses lebih sistematik dan mudah dikendalikan walaupun oleh warga emas.

Selain menjana pendapatan, projek itu turut mengeratkan hubungan komuniti apabila peserta berkongsi ilmu dan pengalaman, termasuk melalui kumpulan pengajian dan media sosial.

Inisiatif ini membuktikan bahawa dengan bimbingan dan usaha berterusan, golongan berpendapatan rendah juga mampu berdikari serta menjadikan pertanian moden sebagai sumber rezeki yang stabil.

MELAKA

Big harvest from small garden

Ayer Molek farming enthusiast's organic cultivation of veggies, chickens attract learners

THE vegetables and chickens tended by Mohd Khaironnie Ng Mohd Raisman Ng, 41, in his 30sq m garden in Ayer Molek, Melaka not only benefit his family but also the local community.

The Kampung Bukit Durian resident, who started gardening a decade ago, said it began as something to do in his free time and to allow his four children, aged seven to 15, to learn about plants and insects.

"However, it has grown and now I have 1,200 hydroponic net pots yielding 100kg to 300kg of vegetables per month," the private sector employee told Bernama.

Besides hydroponic farming, he has also repurposed 150 old tyres into planters growing brinjal, lady's fingers and corn.

"I try to practise organic farming as much as possible, using *cuka kayu* (pyroligneous acid) and planting flowers to attract predatory insects for natural pest control."

He also rears 50 free-range chickens for meat and around 50 Lohmann Brown hens that lay 40 to 50 eggs daily.

"To control the chicken coop smell, I use rice husk as bedding and replace it every two months.

"The old bedding is composted and reused as fertiliser.

"The vegetables can be harvested within a month and the surplus is sold to villagers for RM3 to RM5 per pack or in a combo of four for RM10.

"Proceeds from the egg sales are reinvested in the garden and to buy chicken feed.

"My social media posts have attracted many to my garden



Mohd Khaironnie rears free-range chicken for meat, Lohmann Brown hens for eggs and (right) grows plants like corn.

"My social media posts have attracted many to my garden while I also hold small-scale farming classes."

Mohd Khaironnie Ng
Mohd Raisman Ng

while I also hold small-scale farming classes for those who are interested," he said, adding that many now see it as a simple but effective way to obtain fresh food and reduce living costs.



Clusters of onions harvested at Mohd Khaironnie's garden in Kampung Bukit Durian. — Photos: Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2026	THE STAR	PEOPLE	10

Alor Gajah village folk enjoying fish farm bounty and income

A VILLAGE in Alor Gajah, Melaka is reaping the rewards of a freshwater fish farm partly funded through *SejaTi Madani*, producing about two tonnes of tilapia and catfish monthly.

Kampung Paya Rumput village development and security committee (JPKK) secretary Dzalın Ayub, 58, said they received RM100,000 from the Implementation Coordination Unit (ICU) of the Prime Minister's Department (JPM) for the project in May 2024.

"The freshwater fish farm was actually what I started in 2016 after I retired from the private sector.

"After learning about the *SejaTi Madani* programme, I proposed it to the JPKK who agreed to expand the tilapia and catfish farm," he told Bernama.

Dzalın also invested RM300,000 of his own money into the project located near Masjid Tanah town.

"From two canvas fish tanks, there are now 68 of 3,000-litre tanks as well as seven cement ponds and a reservoir spread over 0.2 hectares.

"Last year, we produced about 18 tonnes of fish and the profit was shared with the JPKK for its programmes."



Dzalın (left) showing Melaka branch ICU JPM deputy director Afzai Nizam Sandiman around the Kampung Paya Rumput fish farm partly funded by the *SejaTi Madani* programme. — Bernama

Beyond income, the project has also provided jobs with six village youths employed at the farm.

The local community, too, benefits from buying fish below market price.

Dzalın said the project's success was recognised when it won third place at the 2025 National Development Awards under the *Projek SejaTi Madani* category.

"This initiative is more than just a source of income; it is about sharing expertise and empower-



Climate Pause

On average, seafood generates less carbon per unit of protein than beef and has a carbon footprint similar to poultry. Small pelagics like sardines or anchovies, as well as farmed mussels and clams also have a low carbon footprint. However, crabs, shrimps and lobsters tend to have a larger carbon footprint.

ing others to venture into aquaculture," said Dzalın.

His knowledge and training on tank-based fish farming has already drawn interest from as far off as Singapore and Indonesia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2026	KOSMO	NEGARA	14



MUHAMMAD SAFWAN melihat ikan kelah yang dipeliharanya di Kampung Bentong, Hulu Terengganu semalam.

Kelah eksotik kini jadi ikan hiasan

HULU TERENGGANU – Ikan kelah yang merupakan spesies eksotik bernilai tinggi kini semakin popular dipelihara sebagai koleksi ikan hiasan di akuarium dalam kalangan penggemarnya.

Seorang pengusaha ikan hiasan, Muhammad Safwan Mohd. Shakri, 24, berkata, anak ikan kelah bersaiz kecil di bawah 10.16 sentimeter (cm) sesuai dipelihara sebagai ikan hiasan.

Katanya, selain mudah dipeliharannya, anak ikan kelah bersaiz

kecil juga boleh didapati pada harga lebih murah.

"Biasanya ikan kelah bersaiz antara satu inci (2.54 cm) hingga dua inci (5.08 cm) saya jual pada harga semurah RM3 seekor.

"Anak ikan kelah bersaiz 10.16 cm ke atas pula dijual pada harga sekurang-kurangnya RM25 seekor," katanya di Kampung Bentong di sini semalam.

Menurutnya, ikan kelah semakin diminati dalam kalangan peminat ikan hiasan kerana ke-

unikannya warna sisiknya yang kemerahan.

"Saya mempunyai stok 100,000 ekor anak ikan kelah yang sedia dipasarkan kepada penggemar ikan hiasan. Kesemua anak ikan kelah terbabit dibela di dalam pusat asuhan khas," katanya.

Ujarnya, kebanyakan bekalan benih ikan kelah itu diperolehi daripada penduduk tempatan yang mencarinya di lembangan sungai berhampiran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Penternak kekal harga 1 bahagian lembu korban RM400

TANAH MERAH: Meskipun berdepan kenaikan kos, masih ada penternak di negeri ini mengekalkan harga satu bahagian lembu korban serendah RM400.

Mohd. Johari Mohammad, 27, berkata, langkah itu bagi membolehkan lebih ramai umat Islam dapat melaksanakan ibadah korban sempena sambutan Hari Raya Aidiladha.

Katanya, ia melibatkan baka dari jenis lembu Kedah-Kelantan yang mana kebanyakan penternak kini meletakkan harga satu bahagian RM500 dan ke atas.

"Kenaikan kos sara hidup ketika ini memang memberikan kesan kepada golongan berpendapatan rendah.

"Besar harapan saya agar usaha ini dapat membantu mereka yang mempunyai keinginan untuk melaksanakan ibadah korban dengan sempurna tahun ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Mohd. Johari berkata, dia turut menawarkan pilihan lembu dari baka lain untuk pelanggan yang mempunyai pendapatan lebih.

Seorang lagi penternak, Kamarudin Che Dir, 60, berkata, dia tidak menyang tangan memenuhi permintaan orang ramai selepas menawarkan satu bahagian pada harga RM550.

Katanya, dia menawarkan harga rendah itu bagi membuka peluang lebih ramai penduduk melaksanakan ibadah korban.

"Setakat ini saya masih lagi mampu bertahan, walaupun berlaku kenaikan kos makanan kerana tidak terlalu bergantung kepada dedak. Saya hanya beri dedak mengikut keperluan selebihnya bergantung kepada rumpit," ujarnya.